

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATUK HAJI LEN TALIF SALLEH
TIMBALAN MENTERI
PERANCANGAN BANDAR, PENTADBIRAN TANAH
DAN ALAM SEKITAR SARAWAK**

BERSEMPENA DENGAN

**MAJLIS SAMBUTAN HARI BUMI 2024 PERINGKAT NEGERI
SARAWAK**

**TARIKH: 11 MEI 2024
(SABTU)**

**TEMPAT: DEWAN JUBLI, UITM CAWANGAN SARAWAK
KAMPUS SAMARAHAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua pada pagi ini kita dapat menyambut Majlis Sambutan Hari Bumi 2024 Peringkat Negeri Sarawak.

SAMBUTAN HARI BUMI 2024

2. Tarikh 22 April setiap tahun merupakan tarikh masyarakat di seluruh dunia bersatu padu dalam usaha untuk mempertahankan dan melindungi bumi. Sambutan Hari Bumi adalah sambutan tahunan di seluruh dunia yang telah disertai oleh 192 buah negara sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar.

3. Selaras dengan tema Hari Bumi pada tahun ini iaitu *Planet vs. Plastics*, saya ingin menyeru agar usaha-usaha hebahan dan promosi berkaitan kelestarian alam sekitar serta kempen hindari penggunaan plastik sekali guna dapat terus dipertingkatkan bagi memupuk semangat cintakan alam sekitar dan seterusnya menjadi amalan dan budaya gaya hidup lestari di kalangan masyarakat.

4. Kesan buruk pencemaran plastik ialah plastik tidak mudah dilupuskan dari muka bumi iaitu mengambil tempoh yang sangat lama untuk reput secara semulajadi. Merujuk kepada data yang dikongsikan dalam laman sesawang United Environment Programme (UNEP),

dianggarkan sebanyak 19 – 23 juta tan buangan plastik memasuki ekosistem akuatik setiap tahun.

5. Pencemaran plastik ini akan memberikan kesan negatif kepada habitat dan hidupan marin dan seterusnya menjejaskan komuniti pesisiran pantai termasuk nelayan dan menjejaskan pelancongan pesisiran pantai.

6. Kerajaan Negeri sangat menyokong kempen dan usaha pelbagai pihak untuk menghindari plastik sekali guna bagi mengurangkan penggunaan beg plastik serta jumlah sisa plastik dibuang ke tapak pelupusan sampah.

7. Strategi-strategi bagi menjayakan kempen “end of plastic pollution” perlu menekankan perkara-perkara berikut:

- a) Mendidik dan melahirkan masyarakat agar berganding bahu dengan pihak kerajaan dan sektor industri untuk mengawal dan mengurangkan pencemaran plastik.
- b) Melahirkan warga yang proaktif dan bermaklumat agar melaksanakan langkah-langkah untuk menolak, mengurangkan, mengguna semula dan mengitar semula plastik.
- c) Memimpin masyarakat dan menyokong usaha ke arah pelaksanaan peraturan bagi mengawal dan melupuskan sisa plastik.

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian,

POST COVID-19 DEVELOPMENT STRATEGY (PCDS) 2030

8. Salah satu strategi dalam Post COVID-19 Development Strategy (PCDS) 2030, adalah untuk mewujudkan keseimbangan pertumbuhan ekonomi dan kelestarian alam sekitar. Selari dengan prinsip

pembangunan mampan ini, maka pelbagai inisiatif telah dirangka dan dilaksanakan, di antaranya **mengekalkan lebih 50%** kawasan hutan dan litupan hijau dan mengembangkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui.

9. Pengurusan hutan secara lestari akan fokus kepada keseimbangan di antara penebangan (deforestation) dan pertumbuhan hutan. Salah satu inisiatif untuk mencapai hasrat ini ialah dengan memperkasakan program penanaman pokok. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Jabatan Hutan Sarawak yang menyediakan anak benih dan UITM Kampus Samarahan yang menyediakan lokasi untuk program penanaman pokok sempena Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sarawak tahun ini.

10. Kerajaan Sarawak berhasrat untuk menjadi kuasa serantau (powerhouse) melalui tenaga yang berpatutan, lestari dan boleh diperbaharui, yang mana menyumbang kepada pertumbuhan dan kemakmuran yang mampan. Ia boleh dicapai dengan kerjasama antara kerajaan dan swasta untuk mengembangkan penghasilan tenaga yang boleh diperbaharui. Antara inisiatif pemangkin adalah mengalakkan penglibatan pihak swasta didalam menerokai sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti projek tenaga solar, mini-hydro dan biomass kelapa sawit.

11. Pembangunan ekonomi berasaskan penggunaan hidrogen sebagai sumber tenaga yang bersih merupakan antara perancangan dan usaha kerajaan di dalam memastikan sumber tenaga yang digunakan tidak mencemarkan alam sekitar dan juga memberi sumber kepada ekonomi negeri.

12. Kerajaan Sarawak juga terus menarik minat pelabur-pelabur yang terlibat didalam rangkaian penghasilan tenaga hidrogen. Bagi menarik

minat dan ransangan penggunaan tenaga hidrogen, kerajaan negeri juga bercadang menubuhkan atau meningkatkan rangkaian stesen gas hydrogen bagi memastikan perkembangan tenaga ini akan terus mampan dan berterusan. Antara aplikasi tenaga hydrogen yang digunapakai adalah ia digunakan sebagai sumber tenaga Automated Rapid Transit (ART).

13. Bahan pencemar yang dibebaskan daripada pembakaran bahan api fosil terkenal merosakan bukan sahaja kepada alam sekitar tetapi memberi kesan buruk kepada kesihatan manusia. Manakala tenaga yang boleh diperbaharui akan memberikan udara yang lebih baik dan tidak mencemarkan.

14. Sumber tenaga boleh diperbaharui boleh memacu kemampanan dan memberi banyak faedah. Melabur dalam pengeluaran tenaga boleh diperbaharui akan menjana pekerjaan dalam sektor tenaga boleh diperbaharui dan memacu pertumbuhan dalam industri tempatan selain mewujudkan peluang penyelidikan, pembangunan dan inovasi.

15. Berdasarkan maklumat dari pihak Sarawak Energy, pihaknya telah berjaya mengurangkan intensiti pelepasan karbon sebanyak 73% bagi tempoh 2010-2021 dengan memanfaatkan tenaga hidro yang boleh diperbaharui, gas asli dan sumber arang batu sebagai punca bekalan tenaga. Sasaran jangka panjang Kerajaan Sarawak melalui SEB ialah jumlah penggunaan tenaga yang seimbang iaitu 60% dari hidro, 35% dari haba dan 5% dari tenaga boleh diperbaharui alternatif. Jumlah kapasiti terpasang menjelang 2030 dijangka sebanyak 8675 MW.

16. Bagi meningkatkan kapasiti tenaga boleh diperbaharui di Sarawak, pihak Sarawak Energy akan memajukan Ladang Solar Terapung Batang Ai (berkapasiti 50MW), Projek Perintis Sistem Penyimpanan Tenaga

bateri 60MW di Sejingkat dan projek penyerapan gas karbon dioksida daripada Loji Arang Batu Sejingkat Power Corporation menggunakan mikroalgae (Chitose Carbon Capture Central Sarawak).

17. Sebagai Langkah ke arah menjadi peneraju utama boleh diperbaharui di ASEAN, Sarawak Energy kini bekerjasama dengan rakan di Indonesia dalam membangunkan Loji Kuasa Hidro (HEP) terbesar di Indonesia iaitu Loji Kuasa Hidro Mentarang Induk di Melinau, Kalimantan Utara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

18. Institut pengajian tinggi memainkan peranan penting dalam menjalankan kajian dan inovasi teknologi yang mesra alam serta melahirkan tenaga kerja yang memahami dan menitikberatkan pemeliharaan alam sekitar. Antara peranan-peranan utama yang boleh dimainkan oleh institut pengajian tinggi adalah:

i. Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Berorientasikan Alam Sekitar

Institusi pengajian tinggi perlu terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan dengan merekacipta teknologi baru yang berkesan dari segi penggunaan sumber alam yang berkekalan. Ini termasuk pembangunan teknologi hijau, pengurangan sisa dan pencemaran, dan pemuliharaan biodiversiti.

ii. Pendidikan dan Latihan

Institusi pengajian tinggi sewajarnya memberikan pendidikan dan latihan kepada pelajar dalam bidang yang berkaitan dengan kelestarian alam sekitar. Ini meliputi program-program pengajian seperti sains alam

sekitar, kejuruteraan alam sekitar, pengurusan sumber alam, dan banyak lagi.

iii. Kolaborasi dengan Industri

Institusi pengajian tinggi bekerjasama dengan industri untuk mentransfer teknologi dan pengetahuan dalam pemeliharaan alam sekitar. Kerjasama ini membolehkan pemindahan pengetahuan dari penyelidikan akademik ke aplikasi industri yang praktikal.

iv. Kesedaran dan Pendidikan Masyarakat

Institusi pengajian tinggi digalakkan memainkan peranan memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar melalui program-program kesedaran awam, kempen-kempen, dan inisiatif-inisiatif komuniti;

v. Penyumbangan kepada Dasar Awam

Institusi pengajian tinggi hendaklah mampu menyumbang kepada pembentukan dasar awam dalam bidang pemeliharaan alam sekitar melalui penyelidikan, analisis dasar, dan penasihat kepada badan-badan kerajaan dan organisasi bukan kerajaan (NGO).

Melalui usaha-usaha ini, institusi pengajian tinggi perlu berperanan sebagai peneraju dalam melahirkan generasi tenaga kerja yang kompeten dan peka terhadap kelestarian alam sekitar, serta memainkan peranan yang penting dalam mencipta dan menyebarkan pengetahuan serta teknologi untuk kebaikan planet kita.

19. Kerajaan Negeri mengalu-alukan usaha dan komitmen UiTM didalam menjadikan kelestarian alam sekitar salah satu agenda untuk menjadi UiTM sebuah kampus yang mampan dan hijau, yang mana ia menepati dan selaras dengan strategi dan hasrat yang dinyatakan didalam dokumen Post COVID-19 Development Strategy (PCDS) 2030. Matlamat Pembangunan Mampan yang diterapkan oleh UiTM mampu memberikan nilai yang baik dalam menyediakan pendidikan berkualiti, projek penyelidikan yang memberi impak, operasi dan tadbir urus yang berkesan dan cekap, serta kepimpinan luar yang dipertingkatkan.

ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA

20. Memelihara dan memulihara alam sekitar adalah tanggungjawab bersama semua golongan masyarakat, tidak hanya berharap dan diserahkan kepada pihak kerajaan semata-mata. Hasrat dan tanggungjawab besar tersebut perlu dipenuhi dalam dua fasa; iaitu fasa pertama: mencetuskan kesedaran dan fasa kedua melaksanakan tindakan.

21. Saya sangat menghargai kerjasama pelbagai pihak dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar khususnya di peringkat negeri Sarawak. Semoga usaha dan kerjasama agensi di peringkat negeri Sarawak dan agensi persekutuan serta sokongan pihak swasta dan NGO dalam melaksanakan program begini dapat dipertingkatkan.

22. Semoga komitmen dan kerjasama ini yang terjalin ini akan berterusan bagi mempertingkatkan pendidikan dan kesedaran alam sekitar di negeri ini. Hari ini adalah harinya untuk bertindak bukan saja kerana kita peduli kepada alam sekitar tetapi juga kerana kita semua tinggal di dalamnya. Planet sihat bukan pilihan, tetapi suatu keperluan.

PENUTUP

23. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua agensi penganjur iaitu Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak, Sarawak Energy Berhad (SEB), UiTM Kampus Samarahan, Jabatan Hutan, NREB, Sarawak Forestry Corporation (SFC), Jabatan Kesihatan, Majlis Perbandaran Kota Samarahan dan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak.

24. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak swasta, pihak NGO serta semua pihak termasuk pihak media, para pelajar dan masyarakat yang berganding bahu dan terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis sambutan ini.

Sehubungan itu, dengan Lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Sambutan Hari Bumi 2024 Peringkat Negeri Sarawak

Sekian, terima kasih.